

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI PSIKOLOGI**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Psikologi Gred S9, S10, S12, S13, S14.

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun.

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab merancang, menggubal, melaksana dan memantau dasar dan perkhidmatan psikologi berdasarkan aplikasi psikologi (penilaian personal, pembangunan personal, penyelidikan dan intervensi) dalam bidang psikologi, kaunseling dan psikologi klinikal melalui pendekatan pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi dalam konteks pengurusan sumber manusia, pembangunan manusia dan komuniti, pendidikan, keselamatan dan ketenteraman awam, kesihatan, koreksional dan rehabilitasi.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Pegawai Psikologi Gred S9**

##### **4.1.1 Bidang Psikologi**

- a. Melaksanakan perancangan dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi.
- b. Membantu membangun, mentadbir, dan menyedia laporan/interpretasi alat ujian psikologi.
- c. Mengurus pembangunan modul dan pelaksanaan aktiviti/program berdasarkan pendekatan psikologi dari aspek pembangunan dan pencegahan.
- d. Memberi khidmat runding/konsultasi psikologi kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- e. Memberi input psikologi untuk tujuan pembangunan dan pencegahan.
- f. Memberi perkhidmatan intervensi psikologi kepada klien untuk tujuan pembangunan dan pencegahan.

- g. Membantu pengurusan dan pelaksanaan latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi.
- h. Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi.
- i. Menyelaras dan menjalankan program/aktiviti pembangunan nilai.
- j. Membantu menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan psikologi.

#### 4.1.2 Bidang Psikologi Klinikal

- a. Melaksanakan perancangan perancangan dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi klinikal.
- b. Menyedia laporan penilaian diagnostik psikologi klinikal.
- c. Mengurus pembangunan modul dan pelaksanaan aktiviti/program pemulhan/rawatan psikologi klinikal di peringkat dalam dan luar kementerian/agensi.
- d. Memberi khidmat runding/konsultasi bagi kes-kes yang memerlukan strategi perawatan khusus.
- e. Memberi input psikologi klinikal untuk tujuan pencegahan dan pemulihan.
- f. Memberi perkhidmatan intervensi psikologi klinikal/psikoterapi dalam merawat kecelaruan mental.
- g. Membantu pengurusan dan pelaksanaan latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi klinikal.
- h. Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi klinikal.
- i. Membantu menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan psikologi klinikal.

#### 4.1.3 Bidang Kaunseling

- a. Melaksanakan perancangan dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan kaunseling.
- b. Menyedia laporan penilaian psikologi dalam intervensi kaunseling.

- c. Mengurus pembinaan modul dan pelaksanaan aktiviti/program intervensi terapi/pemulihan dan pengintegrasian kes organisasi, komuniti, pendidikan, keselamatan dan ketenteraman awam, koreksional, rehabilitasi dan kesihatan.
- d. Memberi khidmat runding/konsultasi berkaitan perkhidmatan kaunseling kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- e. Memberi input kaunseling untuk tujuan pembangunan, pencegahan dan pemulihan.
- f. Memberi perkhidmatan intervensi kaunseling kepada klien untuk tujuan pemulihan kesejahteraan psikologi.
- g. Membantu pengurusan dan pelaksanaan latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan kaunseling.
- h. Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kajian kaunseling.
- i. Menyedia laporan pemantauan dan intervensi bagi tujuan rekod, pelaporan dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan kaunseling sedia ada.
- j. Membantu menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan kaunseling.

## **4.2 Pegawai Psikologi Gred S10**

### **4.2.1 Bidang Psikologi**

- a. Membantu merancang dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan ladbir urus perkhidmatan psikologi.
- b. Membangun, mentadbir, dan menyedia laporan/interpretasi alat ujian psikologi.
- c. Membina modul dan melaksana aktiviti/program berdasarkan pendekatan psikologi dari aspek pembangunan dan pencegahan.
- d. Memberi khidmat runding/konsultasi psikologi kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- e. Memberi input psikologi untuk tujuan pembangunan dan pencegahan.
- f. Memberi perkhidmatan intervensi psikologi kepada klien untuk tujuan pembangunan dan pencegahan.

- g. Membantu menyelia dan latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi.
- h. Menjalankan aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi.
- i. Menyelaras dan menjalankan program/aktiviti pembangunan nilai.
- j. Menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan psikologi.

#### 4.2.2 Bidang Psikologi Klinikal

- a. Membantu merancang dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi klinikal.
- b. Menyedia laporan penilaian diagnostik psikologi klinikal.
- c. Membina modul dan melaksana aktiviti/program pemulihan/rawatan psikologi klinikal di peringkat dalam dan luar kementerian/agensi.
- d. Memberi khidmat runding/konsultasi bagi kes-kes yang memerlukan strategi perawatan khusus.
- e. Memberi input psikologi klinikal untuk tujuan pencegahan dan pemulihan.
- f. Memberi perkhidmatan intervensi psikologi klinikal/psikoterapi dalam merawat kecelaruan mental.
- g. Membantu menyelia dan membimbing latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi klinikal.
- h. Menjalankan aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi klinikal.
- i. Menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan psikologi klinikal.

#### 4.2.3 Bidang Kaunseling

- a. Membantu merancang dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan kaunseling.
- b. Menyedia laporan penilaian psikologi dalam intervensi kaunseling.
- c. Membina modul dan melaksana aktiviti/program intervensi

terapi/pemulihan dan pengintegrasian kes organisasi, komuniti, pendidikan, keselamatan dan ketenteraman awam, koreksional, rehabilitasi dan kesihatan.

- d. Memberi khidmat runding/konsultasi berkaitan perkhidmatan kaunseling kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- e. Memberi input kaunseling untuk tujuan pembangunan, pencegahan dan pemulihan.
- f. Memberi perkhidmatan intervensi kaunseling kepada klien untuk tujuan pemulihan kesejahteraan psikologi.
- g. Membantu menyelia dan membimbing latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan kaunseling.
- h. Menjalankan aktiviti penyelidikan dan kajian kaunseling.
- i. Menyedia laporan pemantauan dan intervensi bagi tujuan rekod, pelaporan dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan kaunseling sedia ada.
- j. Menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan kaunseling.

#### **4.3 Pegawai Psikologi Gred S12**

##### **4.3.1 Bidang Psikologi**

- a. Menyelia dan memastikan perkhidmatan psikologi mencapai standard piawaian profesionalisme.
- b. Merangka dan merancang dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi.
- c. Menyelia dan mengetuai pembangunan, pentadbiran, penyediaan laporan dan interpretasi alat ujian psikologi.
- d. Menyelia dan membina modul aktiviti/program berdasarkan pendekatan psikologi dari aspek pembangunan dan pencegahan.
- e. Membimbing dan memberi khidmat runding/ konsultasi/ rujukan pakar psikologi kepada pihak- pihak yang memerlukan.
- f. Menyelia dan membimbing input psikologi untuk tujuan pembangunan dan pencegahan.
- g. Menyelia dan membimbing latihan kompetensi, kepakaran serta

kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi.

- h. Menyelia dan melaksana aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi.
- i. Menyelia dan merancang program/aktiviti pembangunan nilai.
- j. Menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan psikologi.

#### 4.3.2 Bidang Psikologi Klinikal

- a. Menyelia dan memastikan perkhidmatan psikologi klinikal mencapai standard piawaian profesionalisme.
- b. Merangka dan merancang dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi klinikal.
- c. Menyelia dan mengetuai pelaksanaan dan penyediaan laporan penilaian diagnostik psikologi klinikal.
- d. Menyelia dan membina modul aktiviti/program pemulihan/rawatan psikologi klinikal di peringkat dalam dan luar kementerian/agensi.
- e. Membimbing dan memberi khidmatrunding/konsultasi/rujukan pakar bagi kes-kes yang memerlukan strategi perawatan khusus.
- f. Menyelia dan membimbing input psikologi klinikal untuk tujuan pencegahan dan pemulihan.
- g. Menyelia dan membimbing lalihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi klinikal.
- h. Menyelia dan melaksana aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi klinikal.
- i. Menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan psikologi klinikal.

#### 4.3.3 Bidang Kaunseling

- a. Menyelia dan memastikan perkhidmatan kaunseling mencapai standard piawaian profesionalisme.
- b. Merangka dan merancang dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan

kaunseling.

- c. Menyeiia kesesuaian dan pelaporan peniiaian psikologi dalam intervensi kaunseling.
- d. Menyelia dan membina modui aktiviti/program intervensi terapi/pemulihan dan pengintegrasian kes organisasi, komuniti, pendidikan, keselamatan dan ketenteraman awam, koreksional, rehabilitasi dan kesihatan.
- e. Membimbing dan memberi khidmatrunding/konsultasi/rujukan pakar berkaitan perkhidmatan kaunseling kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- f. Menyelia dan membimbing input kaunseling untuk tujuan pembangunan, pencegahan dan pemulihan.
- g. Menyelia dan membimbing latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan kaunseling.
- h. Menyelia dan melaksana aktiviti penyelidikan dan kajian kaunseling.
- i. Menyella dan membimbing penyediaan laporan pemantauan dan intervensi bagi tujuan rekod, pelaporan dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan kaunseling sedia ada.
- j. Menyelia pengumpulan data penyampaian perkhidmatan kaunseling.

#### **4.4 Pegawai Psikologi Gred S13**

##### **4.4.1 Bidang Psikologi**

- a. Mengetuai dan memastikan perkhidmatan psikologi mencapai standard piawaian profesionalisme.
- b. Merangka dan menggubal dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi.
- c. Menyelaras dan memantau pembangunan, pentadbiran, penyediaan laporan dan interpretasi alat ujian psikologi.
- d. Menyelaras dan memantau modul dan aktiviti/program berdasarkan pendekatan psikologi dari aspek pembangunan dan pencegahan.
- e. Menyelia pelaksanaan dan memberi khidmat runding/konsultasi/rujukan pakar psikologi kepada pihak- pihak

yang memerlukan.

- f. Memantau dan menganalisis input psikologi untuk tujuan pembangunan dan pencegahan.
- g. Menyelaras dan menyelia latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi.
- h. Mengetuai dan memantau aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi.
- i. Menyelaras dan memantau program/aktiviti pembangunan nilai.
- j. Menyelaras dan memantau data penyampaian perkhidmatan psikologi.

#### 4.4.2 Bidang Psikologi Klinikal

- a. Mengetuai dan memastikan perkhidmatan psikologi klinikal mencapai standard piawaian profesionalisme.
- b. Merangka dan menggubal dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi klinikal.
- c. Menyelaras dan memantau pelaksanaan dan penyediaan laporan penilaian diagnostik psikologi klinikal.
- d. Menyelaras dan memantau modul dan aktiviti/program pemulihan/rawatan psikologi klinikal di peringkat dalam dan luar kementerian/agensi.
- e. Menyelia pelaksanaan dan memberi khidmat runding/konsultasi/rujukan pakar bagi kes-kes yang memerlukan strategi perawatan khusus.
- f. Memantau dan menganalisis input psikologi klinikal untuk tujuan pencegahan dan pemulihan.
- g. Menyelaras dan menyelia latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi klinikal.
- h. Mengetuai dan memantau aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi klinikal.
- i. Menyelaras dan memantau data penyampaian perkhidmatan psikologi klinikal.

#### 4.4.3 Bidang Kaunseling

- a. Mengetuai dan memastikan perkhidmatan kaunseling

mencapai standard piawaian profesionalisme.

- b. Merangka dan menggubal dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan kaunseling.
- c. Menyelaras dan memantau pelaksanaan, penyediaan laporan dan kesesuaian alat ujian psikologi dalam intervensi.
- d. Menyelaras dan memantau aktiviti/program intervensi terapi pemulihan dan pengintegrasian kes organisasi, komuniti, pendidikan, keselamatan dan ketenteraman awam, koreksional, rehabilitasi dan kesihatan.
- e. Menyelia pelaksanaan dan memberi khidmat runding/konsultasi/rujukan pakar berkaitan perkhidmatan kaunseling kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- f. Memantau dan menganalisis input kaunseling untuk tujuan pembangunan, pencegahan dan pemulihan.
- g. Menyelaras dan menyelia latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan kaunseling.
- h. Mengetuai dan memantau aktiviti penyelidikan dan kajian kaunseling.
- i. Memantau dan menyelia laporan pemantauan dan intervensi bagi tujuan rekod, pelaporan dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan kaunseling sedia ada.
- j. Menyelaras dan memantau data penyampaian perkhidmatan kaunseling.

## **4.5 Pegawai Psikologi Gred S14**

### **4.5.1 Bidang Psikologi**

- a. Memimpin dan mengetuai bagi memastikan perkhidmatan psikologi mencapai standard piawaian profesionalisme.
- b. Menentu sahkan dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi.
- c. Mengawal dan memantau pembangunan, pentadbiran, penyediaan laporan dan interpretasi alat ujian psikologi.
- d. Meluluskan dan memperakukan modul dan aktiviti/program berdasarkan pendekatan psikologi dari aspek pembangunan

dan pencegahan.

- e. Mengawal pelaksanaan dan memberi khidmat runding/konsultasi/rujukan pakar psikologi kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- f. Meluluskan dan memperakukan input psikologi untuk tujuan pembangunan dan pencegahan.
- g. Mengawal selia latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi.
- h. Memperakukan aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi.
- i. Mengawal dan memperakukan program/aktiviti pembangunan nilai.
- j. Mengawal selia dan mengesahkan data penyampaian perkhidmatan psikologi.

#### 4.5.2 Bidang Psikologi Klinikal

- a. Memimpin dan mengetuai bagi memastikan perkhidmatan psikologi klinikal mencapai standard piawaian profesionalisme.
- a. Menentukan dasar, pekeliling, dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan psikologi klinikal.
- b. Merancang dasar dan polisi dalam pemilihan dan penempatan Pegawai Psikologi Klinikal.
- c. Mengawal pelaksanaan dan penyediaan laporan penilaian diagnostik psikologi klinikal.
- d. Memantau dan memperakukan modul dan aktiviti/program pemulihan/rawatan psikologi klinikal di peringkat dalam dan luar kementerian/agensi.
- e. Mengawal pelaksanaan dan memberi khidmat runding/konsultasi/rujukan pakar bagi kes-kes yang memerlukan strategi perawatan khusus.
- f. Meluluskan dan memperakukan input psikologi klinikal untuk tujuan pencegahan dan pemulihan.
- g. Mengawal selia latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan psikologi klinikal.

- h. Memperakukan aktiviti penyelidikan dan kajian psikologi klinikal.
- i. Mengawal selia dan mengesahkan data penyampaian perkhidmatan psikologi klinikal

#### 4.5.3 Bidang Kaunseling

- a. Memimpin dan mengetuai bagi memastikan perkhidmatan kaunseling mencapai standard piawaian profesionalisme.
- b. Menentu sahkan dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan dan tadbir urus perkhidmatan kaunseling.
- c. Mengawal pelaksanaan, penyediaan laporan dan kesesuaian alat ujian psikologi dalam Intervensi.
- d. Memantau dan memperakukan aktiviti/program intervensi terapi pemulihan dan pengintegrasian kes organisasi, komuniti, pendidikan, keselamatan dan ketenteraman awam, koreksional, rehabilitasi dan kesihatan.
- e. Mengawal pelaksanaan dan memberi khidmat runding/konsultasi/rujukan pakar berkaitan perkhidmatan kaunseling kepada pihak-pihak yang memerlukan.
- f. Meluluskan dan memperakukan input kaunseling untuk tujuan pembangunan, pencegahan dan pemulihan.
- g. Mengawal selia latihan kompetensi, kepakaran serta kemajuan kerjaya perkhidmatan kaunseling.
- h. Memperakukan aktiviti penyelidikan dan kajian kaunseling.
- i. Mengesahkan laporan pemantauan dan intervensi bagi tujuan rekod, pelaporan dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan kaunseling sedia ada.
- j. Mengawal selia dan mengesahkan data penyampaian perkhidmatan kaunseling.

## 5. HUBUNGAN KERJA

### Dalaman

- a. Rakan sekerja di unit/ bahagian/ cawangan/ daerah/ negeri.
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

## **Luaran**

- a. Orang awam.
- b. Para Profesional.
- c. Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan.
- d. Persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.
- e. Agensi-agensi antarabangsa.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

## **7. PERALATAN YANG DIGUNAKAN**

Alat-alat ujian dan inventori psikologi.

## **8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Pegawai dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

## **9. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Pengetahuan Mengenai Undang-Undang dan Dasar Berkaitan Dengan Bidang Psikologi/ Psikologi Klinikal/ Kaunseling.
- b. Pembangunan Ujian Psikologi.
- c. Penilaian Psikologi.
- d. Intervensi Psikologi.
- e. Keurusetlaan dan Pengurusan Majlis.
- f. Khidmat Nasihat dan Perundingan.
- g. Penulisan Dokumen Rasmi.
- h. Kemahiran Penggunaan Teknologi Digital.
- i. Analisis Data.

- j. Pembangunan Kurikulum/Modul.
- k. Pengurusan Rekod

#### **10. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Berpengetahuan sendiri.
- b. Berpengetahuan luas dan berfikiran terbuka.
- c. Berkeperibadian dan berkeyakinan yang tinggi.
- d. Pendengar yang baik, sabar, mesra, perihatin, peka, jujur dan ikhlas.

#### **11. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Kecederaan fizikal/ emosi.
- b. Terdedah kepada penyakit berjangkit.
- c. Gangguan seksual.

Sumber : Lampiran C, C1, C2, C3, C4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 2007.